



BULETIN

# MDKL

MAJLIS DAERAH KUALA LANGKAT

EDISI 3/2018



EDARAN PERCUMA



**Program Pembersihan Pantai  
Peringkat Negeri Selangor Tahun 2018**

**HARI PENGGUNA #bebasplastik DAN LESTARI ALAM SEKITAR  
PERINGKAT DAERAH KUALA LANGKAT**



## PERUTUSAN YDP

**A**ssalamualaikum wbt.

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera. Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita diberi kesempatan untuk bertemu lagi di edisi yang ke-3 pada tahun 2018 ini. Penerbitan buletin ini sedikit sebanyak dapat dijadikan bahan informasi kepada pembaca mengenai aktiviti dan program yang telah dianjurkan oleh pihak MDKL.

Demi mencapai sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang berintegriti serta berdaya saing, MDKL akan menumpukan fungsi penguatkuasaan dengan lebih telus dan kerap bagi separuh penggal kedua 2018 dan tahun-tahun berikutnya.

Sehubungan dengan itu, penumpuan terhadap kilang-kilang yang beroperasi secara haram terutama kilang memproses plastik haram akan dititikberatkan bagi memastikan daerah Kuala Langat bebas pencemaran. Selain daripada itu, tahap kebersihan terutama restoran dan gerai makan dalam daerah Kuala Langat juga akan sentiasa dipantau. MDKL akan sentiasa melaksanakan aktiviti rutin pemeriksaan terhadap restoran dan gerai makan berkaitan demi kesejahteraan dan kesihatan khususnya penduduk daerah Kuala Langat.

Akhir kata, saya amat berharap agar isu kilang memproses plastik haram yang telah wujud umpama cendawan tumbuh selepas hujan dihapuskan sama sekali di daerah Kuala Langat. Oleh itu saya menyeru kepada warga MDKL dan penduduk daerah Kuala Langat khususnya untuk sama-sama menerapkan budaya cintakan alam sekitar dan menjaga kebersihan kawasan persekitaran.

**Yang Berbahagia,**

**Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, SIS.,PPT.**

## Isi Kandungan

Tajuk	Muka Surat
Kata Aluan YDP / Isi Kandungan / Sidang Redaksi	2
Program Pembersihan Pantai Peringkat Negeri Selangor 2018	3
Hari Pengguna #bebasplastik & Lestari Alam Sekitar Peringkat Daerah Kuala Langat	4
Mini Karnival Orang Kurang Upaya (OKU) Peringkat Daerah Kuala	
Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis Penggal 2018/2019	5
Program Gotong-Royong Mega Peringkat Kebangsaan Secara Serentak Seluruh Negara	6
Sesi Pengauditan Sudut 3R dan Pertandingan Landskap Peringkat Daerah Kuala Langat	
Audit Persijilan Semula Oleh Sirim Qas International Sdn. Bhd. Program Ms Iso 9001 2015 Majlis Daerah Kuala Langat	
Hari Inovasi MDKL dan Penilaian Anugerah Inovasi Negeri Selangor Peringkat Daerah Kuala Langat Tahun 2018	7
Mesyuarat Town Hall MDKL dengan Peniaga	
Sambutan Hari Kebangsaan Ke-61 Peringkat Negeri Selangor Selangor International Bussines Summit 2018	8
Media Farm Trip 2018 Discover Selangor #takemanywhere	
Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Pembersihan Pantai di Pantai Cunang, Tanjung Sepat Anjuran LPPSA & MDKL 2018	9
Program Pembersihan Pantai Oleh RAMSAY SIME DARBY	
Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Melukis Mural daripada Kolej Komuniti Kuala Langat, ATKC SDN. BHD. Dan MDKL Tahun 2018	
Lawatan Turun Padang Isu Kilang Plastik Haram Oleh YB Menteri KPKT	10
Operasi Bersepadu Kilang Plastik Haram Daerah Kuala Langat	
Mesyuarat Persatuan Akauntan Kerajaan Tempatan Malaysia Bil 1/2018	11
Lawatan Kerja Bagi Tujuan Pengurusan Tapak Perkuburan Islam dan Krematorium di dalam Kawasan PBT di Negeri Selangor	
Majlis Meraikan Pasukan Sukan Angkat MDKL Ke Sukma Perak 2018	12
Kunjungan Hormat Pengarah Kolej Komuniti Kuala Langat ke MDKL	
Lawatan Sambil Belajar ke daerah Kuala Langat daripada Sekolah Agama Menengah Bandar Baru Salak Tinggi	
Majlis Ibadah Korban KSK MDKL 2018	13
Pertandingan Bola Jaring Antara Jabatan MDKL	
Pemeriksaan Rutin pengredan Kebersihan Primis Makanan	14
Pemeriksaan Rutin Kebersihan Premis Makanan di Bandar Saujana Putra ( BSP)	
Pemeriksaan Rutin Premis Rumah Urut / Pemotongan Bekalan Air Di Kilang Plastik Haram / Pemeriksaan Fail Lesen / Ops Penjaja	15
Pemeriksaan Rutin Tunggakan Bayaran Parking / Lawatan Tapak Bersama Pejabat Cawangan BSP, PTD Kuala Langat Dan Wakil LBS / Operasi Menangani Gejala Sosial	16
Pemeriksaan Rutin Iklan Haram / Operasi Sitaan Peralatan Perniagaan / Operasi Anjing Bersama Unit Vektor MDKL	17
Pelaksanaan Program MPP	18-19
Skuad Pantas	20

### PENAUNG

TUAN MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID, SIS.,PPT.  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

### PENASIHAT

ENCIK MOHD YASIN BIN ALWI, AIS.  
TIMBALAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

### KETUA PENGARANG

ENCIK MOHAMMAD KAMAL BIN MOHD RAMLAN

### PENGARANG

ENCIK MOHD SHAUKI BIN JAMALUDIN

### PENOLONG PENGARANG

ENCIK NORHISHAM BIN OTHMAN  
ENCIK MOHAMAD AZAMUDDIN BIN ARIS  
ENCIK SAMSUL BIN ZAINUN

### JURUFOTO

ENCIK NORHISHAM BIN OTHMAN  
ENCIK SAMSUL BIN ZAINUN  
ENCIK MUHAMMAD NAFIS ASYRAF BIN RAMLI  
ENCIK AHMAD AZAMUDDIN BIN MD ARIS



**PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2018**



Pada 22 September 2018 telah diadakan Program Pembersihan Pantai Peringkat Negeri Selangor di Pantai Morib, Kuala Langat yang telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau Dan Hal Ehwal Pengguna, Negeri Selangor, Lembaga Urus Air Selangor dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) serta agensi-agensi yang lain. Penglibatan peserta gotong-royong yang memberangsangkan iaitu seramai lebih kurang 1000 orang turut membersihkan persisiran pantai, Pantai Morib.

Simbolik pelancaran telah disempurnakan oleh YAM. Tengku Datin Paduka Setia Zatashah binti Sultan Sharafuddin Idris Shah yang telah mencemar duli merasmikan Program Pembersihan Pantai Peringkat Negeri Selangor dan Hari Pengguna #bebasplastik serta Karnival Budaya Lestari Alam Sekitar Peringkat Daerah Kuala Langat. Tengku Zatashah turut menyertai gotong-royong membersihkan persisiran pantai dan kawasan sekitarnya bersama-sama badan NGO, wakil Jabatan-jabatan dalam daerah, Ahli Majlis MDKL, kakitangan MDKL dan penduduk tempatan.



Hadir sama, YB Tuan Hee Loy Sian, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna Kerajaan Negeri Selangor, YDM Tengku Dato' Mohamed Al Haj bin Tengku Harun, Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Kuala Langat, Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat dan Encik Mohd Yasin bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua, MDKL.



## HARI PENGGUNA #bebasplastik DAN LESTARI ALAM SEKITAR PERINGKAT DAERAH KUALA LANGAT



Pada 21 dan 22 September 2018 Majlis Daerah Kuala Langat telah menjadi tuan rumah bagi Penganjuran Hari Pengguna #bebasplastik dan Lestari Alam Sekitar Peringkat Daerah Kuala Langat. Program telah diadakan di Perkarangan Dataran Morib, Banting. Antara pengisian dalam dua hari penganjuran tersebut adalah pertandingan Inovasi kreatif dari bahan terbuang, pertandingan rekaan pakaian dari bahan terbuang serta banyak lagi yang disertai dari beberapa sekolah menengah sekitar Daerah Kuala Langat.



## MINI KARNIVAL ORANG KURANG UPAYA (OKU) PERINGKAT DAERAH KUALA LANGAT TAHUN 2018



Pada 17 Julai 2018, Majlis Daerah Kuala Langat telah menganjurkan Mini Karnival Orang Kurang Upaya (OKU) Peringkat Daerah Kuala Langat Tahun 2018 bertempat di Dataran Pantai Morib, Banting. Karnival yang berlangsung selama sehari melibatkan lebih seratus orang peserta dari beberapa buah sekolah dan pusat jagaan seluruh Kuala Langat. Pelbagai pengisian program sukaneka dan aktiviti OKU telah dilaksanakan. Antaranya pertandingan reka cipta Lego, pameran jualan produk kraf OKU, pemeriksaan dan pameran kesihatan percuma, bola sepak 'Unified', sukan Bocee, 'fun walk' dan pertandingan mewarna. Karnival dirasmikan oleh YB Dr. Xavier Jayakumar Arulanandram, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli. Majlis turut dihadiri oleh YB Tuan Hasnul bin Baharuddin, ADUN Morib dan Encik Mohd Yasin bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua MDKL.



## MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS PENGGAL 2018 / 2019

Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) telah mengadakan Majlis Angkat Sumpah bagi lantikan Ahli Majlis penggal 2018/2019 pada 27 Julai 2018 bertempat di Bilik Cempaka Kuning, Majlis Daerah Kuala Langat. Seramai 23 orang lantikan Ahli Majlis bagi penggal 2018/2019 telah menghadiri majlis tersebut manakala seorang lagi Ahli Majlis telah mengangkat sumpah pada 28 Ogos 2018. Majlis turut dihadiri oleh YB Lau Weng San Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Banting (Telok Datok). Majlis angkat sumpah diketuai oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat, Tuan Mohamad Zain bin A Hamid.



06

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

## PROGRAM GOTONG-ROYONG MEGA PERINGKAT KEBANGSAAN SECARA SERENTAK SELURUH NEGARA



Pada 28 Julai 2018, Pangsapuri Taman Langat Utama telah dipilih sebagai lokasi bersempena anjuran Program Gotong royong Mega Peringkat Kebangsaan secara serentak seluruh Negara bagi daerah Kuala Langat. Program yang dianjurkan ini mendapat kerjasama yang erat dari pengurusan MDKL, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat, Pejabat Daerah Kuala Langat dan persatuan serta penduduk setempat bagi membersihkan kawasan kediaman mereka. Gotong-royong ini lebih memfokuskan kepada tempat-tempat pembiakan aedes. Majlis perasmian disempurnakan oleh wakil khas ADUN Dengkil Encik Azman bin Mohd Anorwar.

## SESI PENGAUDITAN SUDUT 3R DAN PERTANDINGAN LANDSKAP PERINGKAT DAERAH KUALA LANGAT



Majlis Daerah Kuala Langat telah menganjurkan Pertandingan Sudut 3R dan Pertandingan Landskap peringkat daerah Kuala Langat. Pertandingan diadakan bermula 30 dan 31 Julai 2018 serta 1 hingga 3 Ogos 2018. Enam belas penyertaan dari sekolah rendah dan menengah terlibat di dalam pertandingan tersebut. Bagi pertandingan sudut 3R Johan bagi sekolah menengah dimenangi SMK Bandar Banting manakala kategori sekolah rendah dimenangi SK Seri Langat. Bagi pertandingan Landskap pula Johan bagi sekolah menengah dimenangi SMK Bandar Banting dan Johan kategori sekolah rendah SK Kanchong Darat. Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YAM. Tengku Datin Paduka Setia Zatahah binti Sultan Sharafuddin Idris Shah sempena Karnival Lestari Alam Sekitar Peringkat Daerah Kuala Langat.

## AUDIT PERSIJILAN SEMULA OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD. PROGRAM MS ISO 9001 : 2015 MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

Pada 22 hingga 26 Julai 2018, Majlis Daerah Kuala Langat menerima kunjungan audit oleh Sirim QAS International Sdn. Bhd sempena Persijilan Semula Program MS ISO 9001:2015. Hasil dari auditan yang dilakukan mendapati kesungguhan MDKL dalam memastikan keberkesanan Sistem Pengurusan kualiti tanpa sebarang penemuan NCR direkodkan untuk tahun 2018 dan keputusannya, disyorkan untuk diteruskan persijilan tanpa pindaan. Turut hadir semasa majlis penutup, Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat.





## HARI INOVASI MDKL DAN PENILAIAN ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR PERINGKAT DAERAH KUALA LANGAT TAHUN 2018

Pada 16 Ogos 2018 Hari Inovasi MDKL dan Penilaian Anugerah Inovasi Negeri Selangor Peringkat Daerah Kuala Langat Tahun 2018 telah diadakan bertempat di Dewan Seri Jugra, Telok Datok. Pada penganjuran kali ini, sebanyak 31 penyertaan telah diterima terdiri daripada sektor awam, IPT dan sekolah. Bagi ketegori Sektor Awam dan Idea Asal/Prototaip Johan telah dimenangi oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Kuala Langat, kedua Kumpulan Iris dari MDKL dan ketiga Kumpulan SMART QD dari MDKL. Bagi ketegori IPT dan Sekolah pula, johan di sandang oleh Politeknik Banting, manakala kedua Kumpulan Al-Biruni dari SMK Bandar Banting dan ketiga Politeknik Banting. Majlis Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh Encik Mohd Yasin bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua, MDKL diiringi Ahli Majlis MDKL dan Pengarah Jabatan MDKL.



## MESYUARAT "TOWN HALL" MDKL DENGAN PENIAGA



Pada 29 Ogos 2018 Majlis Daerah Kuala Langat telah mengadakan Mesyuarat "Town Hall" MDKL dengan Peniaga bertempat di Dewan Seri Jugra, Telok Datok. Peserta mesyuarat terdiri daripada peniaga gerai MDKL, restoran dan pemborong runcit. Mesyuarat dipengerusikan oleh Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat dan turut hadir Encik Mohd Yasin bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua, Ahli Majlis dan Pengarah-pengarah, Ketua Unit dan Ketua Bahagian. Program diadakan bertujuan membincangkan fungsi dan peranan MDKL pada pandangan para peniaga bagi mendapatkan pandangan serta idea daripada peniaga mengenai MDKL. Disamping itu, pihak MDKL juga dapat mendengar pendapat bagi penambahbaikan perkhidmatan kepada masyarakat.

## SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-61 PERINGKAT NEGERI SELANGOR



Majlis sambutan Hari Kebangsaan ke-61 peringkat negeri Selangor telah diadakan pada 30 Ogos 2018 bertempat di Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Program ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan Kerajaan Negeri Selangor yang melibatkan seluruh agensi kerajaan mahupun sektor swasta dalam Negeri Selangor. Majlis Daerah Kuala Langat telah menghantar kontijen perbarisan yang terdiri daripada anggota penguatkuasa MDKL. Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat turut hadir pada malam tersebut untuk memberi sokongan kepada kontijen perbarisan MDKL. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Tuan Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.



## SELANGOR INTERNATIONAL BUSSINES SUMMIT 2018

Pada 6 September 2018 telah diadakan majlis perasmian Selangor International Bussines Summit 2018 di Malaysia International Trade & Exhibition Centre (MITEC), Kuala Lumpur. Penganjuran tahunan oleh Kerajaan Negeri Selangor ini telah berlangsung selama 10 hari bermula 6 hingga 16 September 2018. MDKL turut serta dalam pameran promosi Pelancongan dan Plan Rancangan Tempatan Daerah Kuala Langat. Majlis perasmian telah dirasmikan oleh DYTM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah, Raja Muda Selangor. Majlis turut dihadiri oleh YB. Tuan Amirudin bin Amri, Dato' Menteri Besar Selangor dan YB. Dato' Teng Chang Khim Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan dan Pengangkutan Negeri Selangor.

Pada 20 hingga 23 Julai 2018 Majlis Daerah Kuala Langat menerima kunjungan dari Tourism Selangor sempena menjayakan pengisian program "Discovery" Selangor 2018. Sepanjang lawatan tiga hari tersebut Tourism Selangor dengan kerjasama MDKL telah berjaya menganjurkan beberapa program yang melibatkan beberapa tempat menarik yang dipilih seperti lawatan tempat bersejarah di Jugra, lawatan pusat peranginan Eco di Kuan Wellnes, Tanjung Sepat, aktiviti sukan lasak Paragliding di Bukit Jugra dan Bengkel Fotografi di Istana Jugra. Program ini melibatkan blogger pelancongan seluruh Negara seramai 35 orang.

## MEDIA FARM TRIP 2018 Discover Selangor #takemeanywhere







Pada 15 September 2018 Majlis Daerah Kuala Langat dibawah program Local Agenda 21 dengan kerjasama Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) telah menganjurkan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Pembersihan Pantai di Pantai Cunang, Tanjung Sepat. Program disertai lebih tiga ratus peserta.

## PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) PEMBERSIHAN PANTAI DI PANTAI CUNANG, TANJUNG SEPAT



## PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI OLEH RAMSAY SIME DARBY

Pada 4 Ogos 2018 Majlis Daerah Kuala Langat dibawah program Local Agenda 21 dengan kerjasama Ramsay Sime Darby Health College telah menganjurkan program pembersihan pantai di Pantai Morib, Banting. Program disertai oleh pelajar dari beberapa sekolah menengah di Kuala Langat. Lebih seratus orang terlibat dalam program tersebut.



## PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) MELUKIS MURAL DARIPADA KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT, ATKC SDN. BHD DAN MDKL TAHUN 2018

Pada 28 September 2018 telah diadakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Melukis Mural daripada Kolej Komuniti Kuala Langat, ATKC Sdn. Bhd dan MDKL Tahun 2018 bertempat di Pantai Kelanang. Seramai lebih 30 orang pelajar dari Kolej Komuniti Kuala Langat terlibat. Pelajar berjaya menghasilkan lukisan mural di bangunan Tandas Awam Pantai Kelanang.

## LAWATAN TURUN PADANG ISU KILANG PLASTIK HARAM OLEH YB MENTERI KPKT



Pada 25 September 2018 YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin Menteri di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengadakan mesyuarat bersama agensi yang terlibat serta lawatan turun padang ke daerah Kuala Langat berkaitan isu kilang plastik haram. Lawatan melibatkan 3 Kilang dan 1 pusat pembuangan sampah haram di sekitar kawasan Jenjarum dan Telok Panglima Garang.

## OPERASI BERSEPADU KILANG PLASTIK HARAM



Majlis Daerah Kuala Langat telah mengadakan Operasi Bersepadu Kilang Plastik Haram dikawasan pentadbirannya. Operasi diadakan tiga kali iaitu pada 24 Julai 2018, 2 Ogos 2018 dan 20 September 2018. Pihak MDKL terpaksa mengadakan tindakan susulan kerana masih ada kilang yang masih beroperasi selepas diberi notis. Operasi melibatkan kawasan Sekitar Jenjarom dan Telok Panglima Garang. Dalam operasi ini sebanyak 24 kilang telah disita kerana tidak mempunyai lesen operasi yang sah dan tidak mempunyai KM. Jabatan Penguatkuasaan MDKL mengetuai operasi dengan kerjasama PDRM, Imigresen, Kastam, Syabas, SPAN, TNB, JAS, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat. Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat turut serta dalam operasi bersepadu ini.



## MESYUARAT PERSATUAN AKAUNTAN KERAJAAN TEMPATAN MALAYSIA BIL 1/2018



Pada 2 Ogos 2018, Majlis Daerah Kuala Langat telah menjadi tuan rumah untuk Mesyuarat Persatuan Akauntan Kerajaan Tempatan Malaysia bagi bilangan 1/2018 yang dianjurkan oleh Persatuan Akauntan Malaysia. Pembukaan Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat.

## LAWATAN KERJA BAGI TUJUAN PENGURUSAN TAPAK PERKUBURAN ISLAM DAN KREMATORIUM DI DALAM KAWASAN PBT DI NEGERI SELANGOR



Pada 12 Julai 2018 Majlis Daerah Kuala Langat telah mengadakan lawatan kerja bagi tujuan Pengurusan Tapak Perkuburan Islam dan Krematorium di dalam Kawasan PBT di Negeri Selangor khususnya daerah Kuala Langat. Rombongan melibatkan 16 orang pegawai MDKL mewakili Jabatan-jabatan yang terlibat. Deligasi rombongan diketuai oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat MDKL. MDKL memilih Tanah Perkuburan JAWI Taman Raudhatul Sakinah Kuala Lumpur serta Krematorium dan Tanah Perkuburan Bukan Islam, Cheras yang dikelolai oleh DBKL sebagai penanda aras.





## MAJLIS MERAIKAN PASUKAN SUKAN ANGGAT MDKL KE SUKMA PERAK 2018

Pada 4 September 2018 Majlis Meraikan Pasukan Angkat MDKL ke SUKMA Perak 2018 telah diadakan di Hotel Impian Morib, Banting. Pasukan Angkat yang dimaksudkan adalah Sukan Perahu Layar dan Sukan Bola Baling Negeri Selangor. Majlis turut dihadiri oleh Pengurus pasukan, jurulatih, atlit sukan, Ahli Majlis MDKL dan Pegawai MDKL. Majlis perasmian disempurnakan oleh Encik Mohd Yasin bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua MDKL.



## KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT KE MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

Pada 30 Julai 2018 Majlis Daerah Kuala Langat telah menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Kolej Komuniti Kuala Langat. Majlis menerima rombongan serta sesi perbincangan telah diadakan di Bilik Cempaka Kuning, Majlis Daerah Kuala Langat yang diselaraskan oleh Unit Korporat dan Perhubungan Awam. Rombongan diketuai sendiri oleh Pengarah Kolej Komuniti Kuala Langat Encik Gazari bin Osman serta lapan pegawai yang lain. Pertemuan dua hala daripada wakil pegawai Majlis Daerah Kuala Langat dan Kolej Komuniti Kuala Langat berjaya merapatkan hubungan silatullahim serta membincangkan program dan aktiviti kolaboratif Kolej Komuniti Kuala Langat dengan Majlis Daerah Kuala Langat. Majlis dipengerusikan oleh Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, Pegawai Komunikasi Korporat, Majlis Daerah Kuala Langat.



## LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE DAERAH KUALA LANGAT DARIPADA SEKOLAH AGAMA MENENGAH BANDAR BARU SALAK TINGGI DAN SEKOLAH MENENGAH IMTIAZ YAYASAN TERENGGANU

Pada 18 Ogos 2018 Majlis Daerah Kuala Langat telah menerima kunjungan lawatan sambil belajar daripada Sekolah Agama Menengah Bandar Baru Salak Tinggi dan Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu. Lawatan diselaraskan oleh Unit Korporat dan perhubungan Awam MDKL dan kerjasama PADAT Selangor. Rombongan dibawa melawat kawasan Istana Bandar, Paragliding Jugra dan Muzium Insitu Jugra. Peserta terdiri daripada 15 orang guru dan 100 orang pelajar.



Pada 23 Ogos 2018 bertempat di Kompleks Belia MDKL, Majlis Ibadah Korban 2018 telah dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan, MDKL. Majlis merupakan program tahunan yang dikelolakan oleh Biro Agama, Kelab Sukan dan Kebajikan MDKL. Dua ekor lembu tumbang dalam penganjuran tahun ini. Antara pengisian program adalah gotong-royong antara kakitangan dalam proses penyembelihan, proses memasak beberapa menu untuk hidangan makan tengah hari dan majlis bacaan doa selamat.

## MAJLIS IBADAH KORBAN KSK MDKL 2018



## PERTANDINGAN BOLA JARING ANTARA JABATAN MDKL



Kelab Sukan dan Kebajikan MDKL telah menganjurkan Pertandingan Bola Jaring antara Jabatan MDKL pada 19 hingga 21 September 2018 bertempat di Kompleks Belia MDKL. Sembilan pasukan yang terdiri daripada kakitangan setiap Jabatan MDKL telah menyertai pertandingan ini. Johan disandang oleh pasukan JK dari Jabatan Kejuruteraan dan Naid Johan T'eonions dari Unit Undang-undang, Unit Perolehan, Unit Perlesenan dan Bahagian Teknologi Maklumat. Hadiah Juara dan Naib Juara masing-masing berjumlah RM400 dan RM300 telah disampaikan oleh YDP Kelab Sukan MDKL Encik Mohd Khairul bin Darini.

## PEMERIKSAAN RUTIN PENGREDAN KEBERSIHAN PREMIS MAKANAN

Pada 6 September 2018, pemeriksaan rutin pengredan kebersihan premis makanan telah dilakukan di kawasan sekitar Pekan Banting. Empat buah premis terlibat dalam pemeriksaan ini. Pemeriksaan tersebut diketuai oleh Bahagian Kesihatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MDKL dengan kerjasama Jabatan Penguatkuasaan MDKL dan Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat.



## PEMERIKSAAN RUTIN KEBERSIHAN PREMIS MAKANAN DI BANDAR SAUJANA PUTRA (BSP)


Pada 24 September 2018, pemeriksaan rutin kebersihan premis makanan telah dilakukan di kawasan Bandar Saujana Putra. Pemeriksaan tersebut diketuai oleh Bahagian Kesihatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MDKL. Pemeriksaan telah bermula pada pukul 8.00 malam telah melibatkan 4 buah premis makanan di Bandar Saujana Putra.





## PEMERIKSAAN RUTIN PREMIS RUMAH URUT

Pada 5 September 2018, pemeriksaan rutin premis rumah urut yang melibatkan kawasan sekitar Jenjarom dan Pekan Banting. Sebanyak 4 buah premis rumah urut yang terlibat dalam operasi tersebut.



## PEMOTONGAN BEKALAN AIR DI KILANG PLASTIK HARAM

Pada 6 September 2018, operasi pemotongan bekalan air di kilang plastik haram telah diadakan disekitar kawasan daerah Kuala Langat. Operasi diketuai oleh Jabatan Penguatkuasaan MDKL dengan kerjasama Syarikat Air Selangor dan PDRM.



## PEMERIKSAAN FAIL LESEN

Pada 13 hingga 14 September 2018, Jabatan Penguatkuasaan MDKL telah mengadakan pemeriksaan rutin Fail Lesen yang melibatkan kawasan premis di Bandar Sujana Putra. Pemeriksaan diketuai oleh Jabatan Penguatkuasaan MDKL dengan kerjasama Jabatan Perlesenan. Terdapat premis dikenakan tindakan notis kesalahan kepada peniaga yang gagal memperbaharui lesen dan tindakan syor pembatalan lesen premis yang tidak beroperasi lagi.



## OPS PENJAJA

Pada 17 Ogos 2018, OPS penjaja telah dilakukan oleh Jabatan Penguatkuasaan MDKL yang melibatkan kawasan sekitar Taman Jarom Mas. Sitaan 3 ekor ayam di kedai runcit kerana melanggar syarat lesen.



## PEMERIKSAAN RUTIN TUNGGAKAN BAYARAN PARKING

Pada 4 September 2018 Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra telah mengadakan pemeriksaan rutin tunggakan bayaran parking disekitar kawasan Jalan SPU 1, Bandar Saujana Putra. Tugasan dilakukan Anggota Penguatkuasa MDKL. Dalam pemeriksaan mendapati terdapat banyak kesalahan membabitkan bayaran sewa petak khas (parking) dan hasil operasi berjaya mengutip RM8,400.00 keseluruhannya.

## LAWATAN TAPAK BERSAMA PEJABAT CAWANGAN BSP, PTD KUALA LANGAT DAN WAKIL LBS

Pada 1 Ogos 2018 Majlis Daerah Kuala Langat telah mengadakan lawatan tapak ke tempat pembuangan kereta buruk dan pusat pengumpulan barangan kitar semula/ besi buruk disekitar kawasan No. 27295 Rezab Kerajaan- tapak sekolah Jalan SP 8/6, Bandar Saujana Putra. Lawatan turut melibatkan wakil Pejabat Tanah/Daerah Kuala Langat dan wakil LBS Sdn. Bhd.



## OPERASI MENANGANI GEJALA SOSIAL

Pada 7 September 2018 Jabatan Penguatkuasaan Majlis Daerah Kuala Langat telah melakukan operasi menangani gejala sosial diseluruh kawasan daerah Kuala Langat. Operasi diketuai Jabatan Penguatkuasaan MDKL dengan kerjasama PAID, PDT Kuala Langat, AADK, PDRM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.



## PEMERIKSAAN RUTIN IKLAN HARAM

Pada 5 Ogos 2018 Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra telah mengadakan pemeriksaan rutin bagi iklan haram yang melibatkan kawasan sekitar SP 4 dan SP 6, Bandar Saujana Putra. Sebanyak 945 unit iklan haram pinjaman wang haram dan kereta sewa disita dalam operasi ini.



## OPERASI SITAAN PERALATAN PERNIAGAAN

Pada 21 Julai 2018 Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra telah mengadakan operasi sitaan peralatan perniagaan (gerai makan) yang ditinggalkan selepas tamat waktu perniagaan. Operasi melibatkan gerai di kawasan Jalan SP 4, Bandar Saujana Putra. Gerai makan disita kerana meninggalkan peralatan selepas tamat waktu perniagaan di bawah UUK 19, UUK Penjaja MDKL 2007 dan bidang kuasa menyita dibawah UUK 42 (1), UUK Penjaja 2007. Semua barangan sitaan disimpan di stor Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra.



## OPERASI ANJING BERSAMA UNIT VEKTOR MDKL

Pada 6 Julai 2018 Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra dengan kerjasama Unit Vektor MDKL telah mengadakan operasi anjing liar di Kawasan Sekitar SP 1, SP 2, SP 3, SP 6, SP 9 dan SP 10, Bandar Saujana Putra. Tiga ekor anjing liar berjaya ditangkap dalam operasi tersebut.



# PROGRAM ANJURAN MPP



**MPP 2**

(Encik Razali bin Ahmad)  
Program Fiesta Kebudayaan  
Merdeka ke 61



**MPP 2**

(Encik Razali bin Ahmad)  
Program Gotong Royong  
Mencegah Wabak Denggi



**MPP 2**

(Encik Razali bin Ahmad)  
Program Kesihatan dan  
Keselamatan Taman Seri Medan



**MPP 2**

(Encik Razali bin Ahmad)  
Program Solat Hajat,  
Bacaan Yassin Ambang  
Merdeka dan Motivasi



**MPP 3**

(Puan Norhaninawati  
binti Mohd Yusof)  
Pertemuan bersama IJM  
Land Rimbau



**MPP 3**

(Puan Norhaninawati  
binti Mohd Yusof)  
Pertemuan bersama  
Eco Sanctuary Sdn Bhd



**MPP 3**

(Puan Norhaninawati  
binti Mohd Yusof)  
Pertemuan bersama  
Tropicana Corporation Berhad



**MPP 7**

(Y.D.M Tengku Dato' Mohamed Alhaj  
Bin Tengku Harun)  
Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri  
Bandar Saujana Putra 2018



**MPP 7**

(Y.D.M Tengku Dato' Mohamed Alhaj  
Bin Tengku Harun)  
Sambutan Hari Raya Aidilfitri  
Orang Besar Daerah Kuala Langat

# PROGRAM ANJURAN MPP



MPP 7

(Y.D.M Tengku Dato' Mohamed Alhaj  
Bin Tengku Harun)  
Majlis Sambutan Sempena  
Hari Malaysia



MPP 11

(Encik Low Kok Hua)  
Program Bersama  
MPP Zon 11 & MPP Zon 21



MPP 12

(Puan Rahimah binti Harun)  
Sumbangan Sempena Hari  
Graduasi Pelajar SPM



MPP 13

(Encik Gan Yee Chin)  
Program Larvaciding dan  
Edaran Abate bersama PKD



MPP 13

(Encik Gan Yee Chin)  
Kempen Kibarkan Jalur Gemilang



MPP 16

(Encik Rosdi bin Meor Endut)  
Sukan Tahunan ke17  
Tadika Bestari Gemilang



MPP 16

(Encik Rosdi bin Meor Endut)  
Program Sayangi MalaysiaKu



MPP 22

(Puan Nor Aishah binti Abdul Majid)  
Hari Bersama Komuniti  
Dan Pusat Internet Kanchong Darat



MPP 24

( Encik Wong Kim Loon)  
Program Pemeriksaan  
Kesehatan Warga Emas

## AKTIVITI SKUAD PANTAS MDKL



OPERASI BANJIR LUMPUR  
DI KG PERMATANG PASIR  
1 JULAI 2018



POKOK TUMBANG &  
HALANG LALUAN  
18 JULAI 2018



POKOK TUMBANG &  
HALANG LALUAN  
23 JULAI 2018



OPERASI MEMADAM  
KEBAKARAN DI JALAN SUKEPI  
15 OGOS 2018




OPERASI POKOK TUMBANG  
DI TAMAN MANGGIS JAYA  
21 OGOS 2018



OPERASI POKOK TUMBANG  
DI SEKITAR KUALA LANGAT  
24 OGOS 2018



OPERASI POKOK TUMBANG  
DI TAMAN DELIMA  
6 SEPTEMBER 2018



OPERASI FENOMENA  
AIR PASANG BESAR  
12 SEPTEMBER 2018



OPERASI POKOK TUMBANG  
DI SEKITAR KUALA LANGAT  
17 SEPTEMBER 2018

Penerbitan buletin ini dikhususkan kepada pembaca Sektor Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di seluruh negara dan edaran secara percuma.

Segala tulisan, ilustrasi dan foto dalam buletin ini adalah hak milik penerbit dan tidak dibenarkan disiarkan tanpa kebenaran bertulis daripada pihak penerbit.

Diterbitkan oleh:

Unit Korporat dan Perhubungan Awam  
Majlis Daerah Kuala Langat  
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03 3187 2825 / 2732 / 8957 / 1743 Faks : 03 3187 9304  
E-mel : admin@mdkl.gov.my , aduan@mdkl.gov.my  
Laman Sesawang : www.mdkl.gov.my